

# Pendidikan

## Membentuk Tunas-tunas Muda

((Tiap-tiap seorang kanak-kanak dilahirkan dalam keadaan suci (menurut keadaan semula jadi),

maka kedua ibu bapanyalah yang akan menjadikan dia Yahudi atau Nasrani atau pun Majusi))

– Maksud hadith *sharīf*.

(Disusun oleh: Yusof Kelana)

Setelah sembilan bulan ibu mengandung, berbagai azab sengsara telah ditanggung, manis pahit telah dirasa, lahirlah seorang insan ke alam buana, dengan suara jeritan memecah kesunyian menandakan kesanggupannya untuk menyambung sisa-sisa hidup di samping ibu dan bapa, kawan dan temannya.

Betapa girangnya hati seorang ibu, betapa megahnya seorang bapa apabila mendengar jeritan pertama dari anak kecilnya yang mungil. Pastilah sudah mereka akan menimang cahaya mata, memilik buah hati yang akan menambahkan keeratan kasih sayang suami dan sudah tentu menambahkan kebahagiaan rumah tangga. Tetapi tahukah pula mereka betapa besarnya harapan anak itu untuk mendapat seorang ibu yang sejati dan seorang bapa yang benar-benar bertanggungjawab dalam mendidiknya nanti?

Ya, anak kamu adalah amanah dari Tuhan kamu, di tangan kamulah terserahnya kehidupan anak kamu itu.

Bila seorang ibu mengandung bererti ia sedang menatang satu amanah yang dipertanggungjawabkan penuh kepadanya. Sememangnya proses pertumbuhan tubuh dan jiwa anak itu telah bermula semenjak dari dalam kandungan lagi, ertinya bukanlah bermula dari saat lahirnya ke dunia ini sahaja – seperti mana sangkaan setengah orang. Kelahirannya itu tak lain dari suatu perpindahan dari suatu alam ke alam yang lain semata-mata.

Masa dalam kandungan, segala bahan dan keperluan hidup si anak bergantung bulat-bulat kepada ibunya, bahan-bahan yang diterima melalui ibunya itulah yang menjadi darah dagingnya.

Setelah lahir ke dunia ini membawa bersama-samanya berbagai macam dorongan tabii, bakat dan sifat-sifat keturunan, maka didikan yang hendak diberikan kepadanya itu mestilah seimbang dengan taraf kesanggupan dan sifat-sifat jiwanya,

dan juga dengan jalan memerhatikan keadaan sekitar dan membiasakannya.

## Mendidik Kebiasaan

Anak-anak perlu dibiasakan melihat sesuatu dan melakukan sesuatu, untuk menanamkan kebiasaan yang baik ke dalam jiwanya, ia mesti dibiasakan:

- (1) Tidur dan makan dengan teratur.
- (2) Berpakaian bersih.
- (3) Buang air dengan teratur.
- (4) Hidup dalam suasana yang tenang dan gembira,

tidak selalu menganggunya, memarahi atau sebagainya.

Mendidik kebiasaan ini dapat dilakukan dalam segala macam gerak laku anak-anak, dalam cara hidupnya dan dalam pergaulan sehari-hari antara ibu bapa dengan anak-anaknya.

Sebagai contohnya, dalam hal mandi dan berpakaian, pengasuh hendaklah bersikap tenang dan menunjuk, sehingga si anak tidak takut atau benci kepada mandi dan berpakaian, seterusnya beransur malu kalau bertelanjang dan tahu pula bagaimana ia harus mandi dan berpakaian.

Begitu juga dalam menegur sesuatu kesalahan, bila mana terdapat sesuatu kesalahan yang dilakukan oleh kanak-kanak yang berkehendakkan pembaikan, janganlah dimarah mengikut sesuka hati sahaja, kerana fikiran kanak-kanak itu tidak dapat sama dengan fikiran orang dewasa, jadi amat salah kalau ditimbang segala perbuatan ataupun kelakuan kanak-kanak itu mengikut fikiran orang dewasa. Pendidik hendaklah berusaha menyesuaikan perbuatan anak-anak itu dengan fikirannya (anak-anak) sendiri.

Sebagaimana orang-orang dewasa, kanak-kanak juga pantang ditegur secara menghina atau mengejek-ejeknya kerana perbuatan seperti itu akan melemahkan semangat dan melayukan jiwanya. Misalnya dalam menegur kesalahan-kesalahan anak-anak itu lebih bijak kalau kita katakan ((kenapa tidak dicuba membuat begini)) atau ((sudahkah anak cuba buat seperti ini)) atau sebagainya, daripada terang-terang mengatakan ((itu salah)) atau mengejanya ((engkau bodoh)), ((anak tolol)) dan sebagainya.

Teguran dan ajaran itu haruslah dalam suasana yang berguna, atau dengan kata lain tidak tiap-tiap perbuatan anak-anak itu mesti diajar, ditunjuk ataupun ditolong. Seboleh-bolehnya berilah kebebasan kepada mereka untuk membuat sendiri, biarkan mereka berusaha sendiri untuk mendapatkan segala yang dikehendaknya, apabila nyata mereka telah kehabisan tenaga dan perlukan pertolongan maka dewasa itulah pendidik dapat mencampuri tangannya.

Dari sini jelas sekali bahawa anak-anak itu tidak boleh dimanja-manjakan benar, kerana perbuatan itu akan menimbulkan akibat-akibat seperti berikut:

1. Menjadikan sifat ((diri sendiri sebagai pusat)) bertambah kembang bila anak-anak dimanjakan. Sifat itu akan kembang menjadikan ia loba dan tamak.
2. Menyebabkan anak-anak itu tidak sanggup berdiri sendiri dan tak sanggup berikhtiar sendiri.
3. Menyebabkan anak-anak itu tidak mempunyai kemahuan.
4. Anak-anak itu ingin jadi orang yang termuka, tetapi tidak dengan jalan bekerja keras dan rajin, kehormatan itu hendaknya dipersembahkan kepadanya.
5. Angkara dari kekurangan kemahuan itu

hidupnya akan menjadi lumpuh dan tidak terjamin.

## Pendidikan Keagamaan

Ada ahli-ahli pendidikan mengatakan ((dalam diri tiap-tiap anak bersinar percikan api ketuhanan)). Memangnyanya anak-anak yang lahir ke dunia ini membawa bersama-samanya dorongan tabii, bakat-bakat dan sifat-sifat yang tertentu, di antaranya terkandung bakat atau bibit keagamaan.

JEAN JACQUES ROUSSEAU, seorang pengarang Perancis yang dilahirkan di Geneva dalam tahun 1712, pernah membela hak kanak-kanak di dalam bukunya (*EMILE*), istimewanya hak-hak mereka untuk mendapat perkembangan yang bebas tentang tenaga rohani dan jasmani. Beliau mengatakan: ((Semuanya adalah baik, seperti yang diterima dari tangan Maha Pencipta, semuanya menjadi jahat di tangan manusia)).

Suqrāt<sup>1</sup> pula berpendapat bahawa manusia dijadikan semula jadinya baik, di dalam jiwa kanak-kanak tersembunyi kesempurnaan tetapi ia tidak lahir ke alam nyata melainkan setelah dikorek dan diusahakan. Pendapatnya ini agak sejalan dengan fikiran Zenon yang mengatakan: Bahawa alam seluruhnya adalah baik, kerana ia datang dari Tuhan. Tuhan adalah Baik, ini tak dapat diragukan lagi, jadi segala yang datang daripada-Nya (Tuhan) pastilah baik, oleh kerana manusia satu bahagian dari alam maka dengan sendirinya ia baik.

Ada pula pendapat lain yang berlawanan dengan pendapat-pendapat di atas, iaitu pendapat kumpulan Brahma dan Hindu Buddha, mereka mengatakan bahawa manusia dijadikan dengan keadaan jahat.

Walau bagaimanapun pendapat-pendapat dari kedua pihak ini tidaklah dapat kita terima bulat-bulat sahaja, kerana

sekiranya seseorang itu dijadikan semula jadi baik, segala kejahatan yang ada padanya adalah perkara mendatang dan jangkitan dari manusia lain. Kita akan merasa hairan, dari mana pula datangnya kejahatan yang ada pada manusia lain itu sehingga bercanggah kepadanya demikian juga sekiranya manusia semula jadian<sup>2</sup> jahat kenapa pula kita pernah melihat ada manusia yang baik. Dari mana pula datangnya kebaikan itu.

Rasanya lebih diterima akal kalau kita mengambil jalan tengah, iaitu: kanak-kanak dijadikan Tuhan mempunyai persediaan untuk baik dan untuk jahat, bagi membawanya ke arah kebaikan dan kelebihan terserahlah kepada kebijaksanaan pendidik. Pendapat ini telah disokong oleh beberapa dalil dari Kitab Allah, sunnah Rasul dan kata-kata alim ulama.

*Al-Qur'ān al-Karīm* telah menegaskan kepada kita: ((Tidaklah Kami menjadikan baginya dua mata, lidah, dua bibir dan Kami menunjukkan kepadanya dua jalan?). Dua jalan di sini tidak lain daripada jalan baik dan jahat.

Selain daripada itu terdapat pula rangkai kata di dalam al-Qur'ān yang bererti: ((Telah Kami tunjukkan jalan kepadanya sama ada ia syukur atau kufur)). Di samping itu Rasul kita pernah pula menerangkan: ((Sekalian kanak-kanak dilahirkan dengan keadaan suci, nasibnya masa depan tergantung kepada ibu bapanya, sama ada akan menjadikannya Yahudi, Nasrani atau Majusi)). Imām Ghazālī membuat penegasan bahawa kanak-kanak dijadikan Tuhan bersedia menerima kebaikan dan kejahatan, ibu bapalah yang akan memesongkannya ke arah mana di antara dua jalan itu. Demikian pula pendapat Ibn Khaldūn dalam kitabnya (*Muqaddimah Ibn Khaldūn*), ia menyatakan bahawa penghuni desa lebih hampir kepada kebaikan daripada penghuni kota, katanya: ((Sekiranya jiwa ini semula jadinya suci, tentulah bersedia

<sup>1</sup> Socrates di dalam Bahasa Arab.

<sup>2</sup> Perkataan sebenar ialah jadinya.



*Saudara Ishak bin Abdullah, Pahang, yang baharu-baharu ini telah lulus dari Universiti Islam Indonesia dengan mendapat degree B.A.*

\* \* \*

untuk menerima segala yang mendatang dari kebaikan dan kejahatan)). Selain daripada itu persediaan anak-anak – mengikut fikiran Ibn Khaldūn – lebih kuat kepada kebaikan daripada kejahatan.

Ahli-ahli agama sudah tentu mengatakan: ((Anak-anak adalah kurnia Tuhan kepada ibu bapanya, mereka hendaklah membesar dan mendidik anak-anak mereka supaya menjadi manusia yang berjasa, sihat dan taat kepada agamanya. JEAN HEINRICH PESTALOZZI (seorang ahli pendidikan yang termasyhur dalam tahun 1746-1827) berkata: Bahawa ibulah yang harus memperkenalkan anak-anaknya dengan wujudnya Tuhan, menyemaikan kasih sayang kepada Maha Pencipta. Ibu dengan pimpinannya yang luhur,

pemeliharaannya yang mesra membangkitkan di dalam hati anak-anak itu perasaan kasih sayang, kepercayaan, berterima kasih, kesabaran dan kepatuhan, sebab katanya: Maha Pencipta itu bukanlah dapat dihampiri dengan otak tetapi dengan hati.

FRIEDRICH W. FROEBEL, seorang murid Pestalozzi, dilahirkan dalam tahun 1782 di (OBER WEISSBACH) Jerman, telah menyokong pendapat gurunya itu, katanya: Bibit ketuhanan yang ada pada kanak-kanak dari semenjak kecil itu harus di XXX<sup>3</sup> dan dipupuk terus-menerus.

Dari keterangan-keterangan yang lepas, jelas sekali bahawa ibu bapa, rumah tangga memainkan peranan yang penting dalam pendidikan. Memandangkan kepada pengaruhnya yang sangat besar itu, rasanya ada baik kalau kita cuba meninjau sepantas lalu ke alam ini, alam rumah tangga.

Dalam rumah tangga orang mencintai keamanan, ketenangan, perdamaian dan seia sekata di antara suami isteri, ini tidak dapat dinafikan lagi. Sebenarnya suasana perkahwinan yang harmonis ini tidak terbatas kepada kebahagiaan suami isteri sahaja, malahan ia mempengaruhi daya memberi kesan kepada jiwa anak-anak yang akan lahir dari suami isteri itu nanti. Kanak-kanak sangatlah bergantung hidupnya (jasmani dan rohani) kepada ibu bapanya. Pergaulan, tingkah laku, ucapan-ucapan, cara hidup ibu bapa, juga anggota keluarga yang lain amat mempengaruhi pertumbuhan dan kemajuan anak-anak.

Menurut sifat-sifat jiwa dan pembawaannya, kanak-kanak sangat cinta dan hormat kepada ibu bapanya. Mereka ingin akan cinta kasih dan perlindungan dari ibu bapa, mereka ingin pula mencontohnya. Semuanya ini didorong oleh dorongan tabii mencontoh.

<sup>3</sup> Perkataan sebenar tidak jelas.

Pernah kita jumpa dalam sesuatu keluarga, kanak-kanak yang baharu sahaja berumur 4 atau 5 tahun sudah pandai memarah dan membentak adiknya dengan sikap dan kata-kata yang tak disangka-sangka. Kita tentu akan merasa hairan melihat keadaan yang seganjil ini. Tetapi setelah kita meneliti keadaan dan suasana hidup keluarga anak-anak ini, kita akan dapat melihat punca-punca yang menyebabkan anak ini berlaku demikian, umpamanya ibunya selalu berbuat demikian terhadap dirinya sendiri atau terhadap adik dan abangnya.

Teranglah bagi kita bahawa suasana hidup ibu bapa dan keluarga seluruhnya hendaklah menjadi contoh bagi anak-anak, kalau ia telah mulai pandai bercakap-cakap dan meniru-niru, ibu bapa mestilah hati-hati dengan gerak-geri dan ucapannya. Di sinilah timbulnya keperluan kepada sebuah rumah tangga yang baik dan tenteram. Dalam rumah tangga mesti ada persesuaian antara suami isteri. Ibu bapa tidak boleh meninggalkan anak-anak mereka di persimpangan jalan, sedang ibu ke barat bapa ke timur anak-anak kesesatan jalan. Lantaran ini dara teruna, yang ingin memasuki gerbang ibu bapa mestilah bersedia semoga tidak akan terjadi kekacauan yang membawa akibat buruk kepada rumah tangga dan keturunan itu.

Memilih jodoh dan teman hidup yang akan membina sebuah keluarga mestilah difikirkan baik-baik. Ada orang hanya mementingkan kecantikan, tetapi dalam hal ini soal cantik atau tidaknya tidaklah menjadi dasar pokok, demikian pula kaya atau miskin, pangkat dan darjat, malahan yang penting dan menjadi dasar utama ialah ((jiwa)).

Mengikut pendapat ahli-ahli jiwa dalam hal yang berhubung dengan soal ((jiwa)) ini harus difikirkan:

1 – Harus dicari persamaan, setidaknya persesuaian antara tingkatan terpelajar, semoga tidak akan timbul perselisihan faham dan perbezaan pendirian yang akan mengganggu ketenteraman hidup.

2 – Mesti dicari persesuaian dalam perasaan keinginan atau bakat.

3 – Mesti dicari persesuaian atau persamaan tentang ideologi.

4 – Mesti dicari persesuaian tentang agama.

5 – Mesti dicari persesuaian tentang umur perkahwinan yang umurnya sangat berbeza, menurut ahli-ahli jiwa jika perbezaan itu amat lebih daripada sepuluh atau lima belas tahun tidak sahaja akan memberikan bibit yang tidak sempurna malahan juga akan menimbulkan perbezaan perasaan dan pandangan yang sangat besar, sehingga mengganggu dan boleh jadi akan merosakkan keamanan dan keharmonian rumah tangga.

Kesimpulannya, hidup aman dan damai, seja sekata dan tenang gembira dalam sebuah rumah tangga adalah bergantung kepada keharmonian dan persesuaian ((jiwa)) antara suami isteri.

Keharmonian dan kerukunan rumah tangga ini akan memberi kesan kepada keturunan di belakang hari dari kelamin itu. Seorang anak sangat berharap akan mendapat perlindungan dan hidup sebagai satu anggota keluarga. Jadi dalam perhubungan antara ibu dan anak mestilah ada kasih mesra. tetapi tidak pula dimanja-manjakan. Biarkanlah anak-anak mengalami tekanan-tekanan kekecewaan dan kesusahan demi kesempurnaan hidupnya yang akan datang, tetapi segala-galanya itu mestilah dijaga dan diawasi selalu oleh ibu.